

Pihak Universiti mempelawa **Warganegara Malaysia** yang **berkelayakan, komited dan berdedikasi** untuk berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia bagi jawatan:

PENSYARAH FARMASI DUF51

Syarat-Syarat Pelantikan Pensyarah Farmasi Gred DUF51

1. Kelayakan Akademik

- a) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia; dan
- b) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang tinggi mutunya:
 - i. **menerbitkan tiga (3)** penulisan dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus/ISI atau sebuah buku berwasit terbitan penerbit tersohor sebelum dilantik ke jawatan Pensyarah Farmasi DUF51 (semasa berkhidmat sebagai Tutor atau Pensyarah Sementara atau pengajian di peringkat Ph.D);
 - ii. telah **membentang kertas kerja** sekurang-kurangnya sekali di dalam **persidangan** dalam bidang pengajian dan
 - iii. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang yang berkenaan.
- c) Pengalaman bekerja dalam bidang berkenaan bagi satu tempoh yang bersesuaian atau pengalaman menjalankan penyelidikan dalam bidang berkenaan untuk satu tempoh yang bersesuaian sebelum dilantik ke jawatan Pensyarah Gred 51 atau semasa dilantik sebagai Tutor atau Pensyarah Sementara atau pengajian di peringkat Ph.D atau Sarjana Kepakaran.

2. Jadual Gaji

DUF51: RM5,855.00 – RM12,445.00

3. Keperluan Bahasa

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Umur

Calon bagi lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun.

*Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan/Majikan masing-masing.

CARA MEMOHON JAWATAN PELANTIKAN:

- a) Sila layari laman web Universiti Kebangsaan Malaysia ***www.ukm.my*** dan klik pada pautan **Kerjaya@UKM** (*Careers@UKM*) bagi membuat permohonan secara dalam talian.
- b) Calon-calon **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk temu duga.
- c) Permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses.**
- d) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam **tempoh empat (4) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat

Bahagian Sumber Manusia

Jabatan Pendaftar

Aras 1, Bangunan Perpustakaan Lingkungan Ke-2

43600 UKM Bangi, Selangor

Emel : upjakademik@ukm.edu.my

Tarikh Buka Iklan : 7 Jun 2022 (Selasa)

Tarikh Tutup Iklan: 20 Jun 2022 (Isnin)

Nota : Pengisian jawatan tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).